

11 JAN 1996

Mahathir-Asia (Dengan gambar)

ASIA BARU SEDANG MENYERLAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan perlunya negara-negara Asia meneruskan tanggungjawab mewujudkan Asia Baru, yang akan membawa pembangunan pesat dan menyeluruh ke rantau ini.

Sambil menyatakan yang Asia Baru sedang menyerlah, Perdana Menteri berkata untuk menjadikan Asia bernilai dan berkemampuan, perlu ada Renaissance Asia, kelahiran semula yang akan mewujudkan semula Asia dan membentuk semula dunia.

"Asia tidak boleh dihentikan... Asia Baru ini perlu diteruskan menjadi Asia yang berjaya, satu benua yang berkemajuan, yang membawa pembangunan pesat dan menyeluruh untuk semua rakyat Asia," katanya dalam ucapan dasar pada Forum Asia Baru di sini.

Forum dua hari itu anjuran bersama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan Transforma Conferences, syarikat gabungan Hong Leong Group Malaysia.

Lebih 100 orang dari 10 negara termasuk Malaysia, China, India, Jepun dan Taiwan menghadiri forum itu.

Dr Mahathir berkata Asia Baru perlu menjadi Asia yang memberi sumbangan, benua yang menyumbang bukan sahaja kepada kemajuan kawasan-kawasannya tetapi juga kepada kemajuan manusia secara keseluruhannya.

Untuk mencapainya, Asia Baru perlu mempunyai kuasa, "satu benua penggerak dan penggerak, bukan objek tetapi subjek hal ehwal antarabangsa, bukan pihak yang menanggung akibat tetapi pihak yang menjadi sebab."

Beliau berkata sambil Asia mendukung idea penguasaan Asia, ia perlu mendesak untuk menjadi rakan kongsi sama rata bagi Eropah dan Amerika Syarikat dan menolak penguasaan oleh mana-mana pihak berkenaan.

Setakat ini, negara-negara Asia telah membangun secara berasingan, berbeza sama sekali dan tanpa wawasan tentang peranan yang harus mereka mainkan untuk Asia dan dunia, katanya.

Dr Mahathir berkata Renaissance Asia berlangsung tanpa disedari dan sudah tiba masanya bagi negara-negara Asia untuk menyedari tentang perkara itu.

"Kita patut datang bersama, bukan untuk berkonfrontasi dengan yang lain, bukan untuk membentuk blok perdagangan, bukan untuk menjadi pengacau dan sombong... sebagaimana kita tidak seharusnya berasa kesal, kita juga tidak seharusnya berdendam," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia perlu menuntut hak-hak demokrasi mereka sebagai negara yang sama rata dan tidak harus membenarkan diri mereka dibelantan daripada segi mental, maklumat dan diplomatik.

"Kita perlu menegaskan bahawa adalah tidak demokratik bagi pihak lain untuk menghalang kita daripada membentuk sebuah perundingan seperti EAEC (Perundingan Ekonomi Asia Timur) apabila mereka sendiri membentuk blok perdagangan bersifat perlindungan," katanya.

Beliau memberi contoh beberapa negara Asia seperti Jepun, China, Taiwan dan Korea Selatan yang berjaya bangkit daripada debu peperangan dan kemiskinan untuk menjadi gergasi ekonomi.

Malaysia juga, yang pernah dianggap oleh Barat sebagai calon utama "tong sampah sejarah", kini menikmati taraf kehidupan yang lebih tinggi berbanding negara lain di Amerika Selatan, Tengah atau Utara kecuali Amerika Syarikat dan Kanada, katanya.

"...di Asia, kita hanya di belakang Jepun, Hong Kong dan Taiwan. Agak baiklah bagi calon utama tong sampah sejarah...agak baiklah juga bagi sebuah negara yang banyak negara "tahu" tidak mempunyai masa depan," katanya.

Dr Mahathir berkata jika negara-negara Asia percaya bahawa perjuangan besar ekonomi akan datang adalah untuk keberkesanan dan produktiviti, bukan sahaja untuk pembangunan sumber manusia dan pelaburan asing, beliau menjangka Asia mungkin boleh mencapainya.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa Renaissance Asia akan menghadapi bangkangan daripada "kezaliman media berita yang dikawal oleh Barat."

"Mereka mempunyai kepentingan diri untuk melihat kelahiran semula Asia terbantut, sebahagiannya kerana berita buruk menghasilkan wang untuk mereka dan sebahagiannya kerana Barat berasa terancam," katanya.

Sambil menyatakan kelahiran semula Asia tidak akan menjadi mudah, beliau berkata ia boleh dicapai jika "rakyat Asia berusaha mencapainya dan usaha itu dilakukan dengan gigih." -- BERNAMA